



JAKARNA  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Made with  
**Visual Paradigm**  
For non-commercial use  
UiTMSarawak

MAY 2024  
**INFO 83<sup>rd</sup> ISSUE**

# KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2<sup>nd</sup> International Conference  
On Innovative Sciences &  
Technologies For Research &  
Education (InnoSTRE)

ReQaseni Art Exhibition  
17<sup>th</sup> Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:  
Profesor Datuk Teknologis  
(Ts) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International  
Mobility: A Joint Program between  
UiTM & Mulewarman University  
Indonesia





## BENGKEL PRA PERANCANGAN STRATEGIK 2023

Oleh  
Mohammed Bin Abang

Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak mahu piyah pengurusan UITMCS supaya mengenalpasti faktor-faktor kelemahan dalam melaksanakan perancangan strategik di kampus berkenaan. Pada masa yang sama, beliau juga mahu pihak pengurusan UITMCS mencari kaedah untuk membuat penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan tersebut. "Justeru, saya menekankan kepada perihal mobiliti pelajar dan inisiatif yang perlu diambil dalam mengenalpasti cabaran pada tahun lepas sebagai tindakan penambahbaikan bagi tahun 2023," katanya semasa menyampaikan ucapan pada Bengkel Pra Perancangan Strategik 2023 yang telah diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2.

Bengkel anjuran Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) itu bertujuan membincang dan menentukan hala tuju UiTM Cawangan Sarawak 2030 berdasarkan hala tuju UiTM menjelang tahun 2025. Turut dijemput ialah Prof. Dr Zaibunnisa Abdul Haiyee, Ketua Pelan Tindakan Strategik (Perancangan & Pemantauan) Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang berkongsi mengenai pelan perancangan strategik UiTM, pemetaan PI kepada Pelan Tindakan Strategik (SAP) serta kaedah sistem pelaporan UISMS yang bakal digunakan untuk SAP2023 secara dalam talian.

Perancangan serta hala tuju UiTM Cawangan Sarawak sepanjang tahun 2023 sudah pasti berdasarkan kepada amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri,

Datuk Seri Anwar Ibrahim serta perutusan tahun baharu Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi. Pada masa yang sama, setiap dasar-dasar kerajaan negeri seperti yang dilhamkan oleh Yang Amat Berhormat, Premier Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Abang Hj Abdul Rahman Zohari Tun Abang Hj Openg turut dijadikan sebagai panduan dalam perancangan strategik kali ini.

